

# Watak dan Nilai positif dalam Cerita Jenaka Etnik Peribumi Terpilih di Sabah

Asmiaty Amat

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Universiti Malaysia Sabah  
[asmiaty@ums.edu.my](mailto:asmiaty@ums.edu.my)

**Abstrak** Pewarisan sastera lisan diturunkan dari satu generasi ke satu generasi menerusi pertuturan orang perseorangan atau penglipurlara. Ia bukan setakat hiburan yang mampu memberi gambaran akal budi masyarakat terdahulu tetapi ia turut memiliki intipati pengajaran dan didikan kepada masyarakat. Pada masa kini, ia mula didokumentasikan, diterbitkan dan dianalisis mengikut keperluan sesuatu kajian. Sastera lisan yang berbentuk naratif, dikenali sebagai cerita rakyat mengandungi kisah-kisah binatang, cerita jenaka, hikayat dan sebagainya. Cerita jenaka Melayu yang sangat popular dan sering dibincangkan adalah kisah Pak Pandir, Lebai Malang dan si Luncai. Watak-watak mereka ini digambarkan secara negatif dan menjadi lambang kebodohan, sial, malang dan tamak orang Melayu. Tulisan ini berkenaan cerita jenaka di negeri Sabah, iaitu Brunei, Bajau dan Dusun. Cerita jenaka yang dianalisis adalah cerita jenaka yang telah diterbitkan dalam Buku *Koleksi Cerita Rakyat Sabah* yang diselelenggarakan oleh Lokman Abdul Samad dan Suhami Yassin (2020) selain cerita jenaka etnik Brunei yang telah dikutip dari lapangan yang telah dilakukan sekitar tahun 2012. Kajian yang menggunakan teori kecerdasan emosi untuk mencitrakan karakter watak dan perwatakan dalam cerita-cerita tersebut. Kajian mendapati bahawa jenaka peribumi terpilih Sabah menemukan ciri watak dan nilai yang positif. Dengan kata lain, cerita jenaka tidak semestinya memperlihatkan sifat bodoh dan malang kerana cerita jenaka peribumi Sabah sarat dengan watak dan nilai positif.

## Pengenalan

Sastera lisan yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi bukan setakat hiburan yang mampu memberi gambaran akal budi masyarakat terdahulu tetapi turut memiliki intipati pengajaran dan didikan kepada masyarakat. Pada masa kini, ia mula didokumentasikan, diterbitkan dan dianalisis mengikut keperluan sesuatu kajian. Bagi sastera lisan yang berbentuk naratif, ia dikenali sebagai cerita rakyat dan ia termasuklah cerita binatang, cerita jenaka, hikayat dan sebagainya. Masyarakat pembaca seringkali didedahkan dengan cerita jenaka Melayu seperti Pak Pandir, Lebai Malang, Pak Belalang dan si Luncai. Watak-watak mereka seringkali dikaitkan dengan karakter negatif dan dianggap lambang kepada kebodohan, sial, tamak dan malas orang Melayu. Negeri Sabah yang memiliki pelbagai etnik turut memiliki cerita jenaka. Tokoh-tokoh dalam cerita jenaka peribumi Sabah juga memaparkan karakter atau manifestasi watak dan perwatakan yang pelbagai. Kajian ini cuba merungkaikan watak dan perwatakan yang wujud dalam cerita-cerita jenaka tersebut. Cerita jenaka yang dianalisis adalah cerita jenaka yang telah diterbitkan dalam Buku *Cerita Rakyat Sabah* yang diselelenggarakan oleh Lokman Abdul Samad dan Suhami Yassin (2020) selain cerita jenaka etnik Brunei yang telah dikutip dari lapangan yang telah dilakukan di Bongawan sekitar tahun 2012.

## **Cerita Jenaka**

Cerita jenaka adalah cerita yang mempunyai unsur humor. Danandjaja (1984:117) menamakan kelompok cerita jenaka sebagai lelucon dan anekdot yang diertikannya sebagai "... dongeng-dongeng yang dapat menimbulkan rasa geli hati, sehingga menimbulkan ketawa bagi yang mendengarnya mahupun yang menceritakannya." Lelucon terbahagi kepada dua kelompok, iaitu dongeng lucu yang tradisional seperti Pak Pandir, Pak Belalang, dan lelucon sezaman atau semasa.

Cerita jenaka dapat membantu memberi gambaran pemikiran audience melalui pembawaan watak tersebut. Watak dalam cerita jenaka boleh menimbulkan kelucuan kerana ia membawa impak daripada cerita yang bersifat lucu. Menurut Noriah Taslim (Dewan Sastera 2012), cerita jenaka rakyat (*jokelore*) berbentuk naratif rakyat yang memuatkan unsur lucu yang mencolek rasa geli hati dan menyebabkan ketawa. Namun, di sebalik kerangka mainan/kelucuannya jenaka mengandungi isi yang serius malah subversif, melanggar pantang larang dan adat. Oleh itu, jenaka menjadi senjata kritikan yang berkesan kerana dalam bermain, ia menikam. Penyampaian cerita jenaka yang dituturkan bukan untuk memberi hiburan semata-mata tetapi berperanan sebagai alat untuk mengkritik dan mendidik masyarakat. Di samping itu, ia juga dapat memberikan pendedahan yang baru dan berguna kepada generasi akan datang. Malah, ia dapat memelihara sastera rakyat tradisional daripada tenggelam ditelan zaman disebabkan arus pemodenan.

Winstedt dalam Saiful Bahari Md Radzi (2001:24) menyatakan bahawa cerita-cerita jenaka Melayu hanya mempunyai lima watak sahaja seperti watak Pak Kaduk, watak Lebai Malang, watak Pak Pandir, watak Si Luncai, dan juga watak Pak Belalang. Watak-watak dalam cerita jenaka Melayu ini dikatakan berperwatakan bodoh, bodoh sial, sial pintar dan juga malang. Oleh sebab itu, kebanyakan pengkaji terikut-ikut menggolongkan cerita jenaka kepada tiga jenis perwatakan dalam sebuah cerita. Pertama, watak bodoh sial contohnya cerita Lebai Malang dan Pak Kaduk. Kedua, watak bodoh pintar seperti cerita Pak Pandir dan ketiga, watak sial pintar melalui cerita Pak Belalang dan Si Luncai. Berdasarkan penelitian tersebut, sarjana tempatan turut mengakui dan menganggap bahawa cerita jenaka Melayu tidak menyerlahkan sifat positif selain daripada memaparkan kebodohan, malang, celaka, lurus sehingga memudaratkan diri sendiri (Ariffin Nur, 1971:46). Kenyataan tersebut sebagaimana petikan berikut: "cerita-cerita jenaka telah disusun oleh orang-orang Melayu dahulu kerana melukiskan sifat keganjilan manusia seperti tentang kebodohan, malang, lurus bendul, dan kecelakaan" (Kesusasteraan Lama Melayu, 1971:46). Petikan tersebut memperlihatkan tanggapan yang sinonim dengan pandangan Winstedt (Saiful Bahari Md Radzi, 2001: 24). Oleh sebab yang demikian, kajian ini ingin melihat cerita jenaka etnik peribumi Sabah dan menyerlahkan karakter atau watak dan perwatakan tokoh-tokohnya.

## **Kecerdasan Emosi**

Kecerdasan emosi merupakan kebolehan seseorang individu menggunakan emosi dalam kehidupan dan pekerjaan mereka seharian dengan berkesan. Kecerdasan emosi (EQ) lebih menekankan kepada ciri sahsiah yang dimilikinya. Kecerdasan emosi juga akan membantu individu menyelesaikan permasalahan yang dihadapi serta berfungsi secara afektif. Kejayaan dalam hidup dikaitkan dengan kecerdasan emosi yang tinggi dan bukan lagi bergantung kepada kecerdasan intelek semata-mata. Kecerdasan emosi mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan hati manusia kerana kecerdasan emosi akan mendorong manusia mencapai potensi dan tujuan unik yang ada dalam aspirasi batin yang terpendam dalam diri manusia.

Mayer et al. (1999) mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai keupayaan seseorang untuk mengenal pasti makna-makna emosi dan hubung kaitnya termasuklah kebolehnya menaakul dan menyelesaikan sesuatu masalah. Beliau juga berpendapat bahawa kecerdasan emosi membolehkan seseorang berfikir secara kreatif apabila menghadapi kekecewaan dan berkemampuan menyelesaikan konflik. Menurut Salovey dan Mayer (1993), kecerdasan emosi merupakan satu jenis kecerdikan sosial yang melibatkan kebolehan untuk mengawal emosi diri sendiri, emosi orang lain untuk membezakan mereka dengan orang lain dalam melakukan sebarang tindakan. Kecerdasan emosi juga ditakrifkan sebagai:

‘... keupayaan untuk menaakul tentang emosi, dan keupayaan emosi untuk mengukuhkan pemikiran. Ini termasuk kebolehan mengenal emosi dengan tepat, mencapai dan menjana emosi bagi membantu pemikiran, memahami emosi dan pengetahuan tentang emosi, serta mengendalikan emosi secara refleksi (renungan) bagi tujuan pengembangan emosi dan intelek.’ (Salovey, Brackett & Mayer, 2004).

Mayer, Salovey dan Caruso (2000) juga mengintegrasikan emosi dan pemikiran dalam konteks hubungan dalam masyarakat. Definisi ini disokong oleh McCallum dan Piper (2000) yang mentakrifkan kecerdasan emosi sebagai satu konstruk yang merangkum emosi, kemahiran personal dan kemahiran sosial, Ia mampu mempengaruhi keupayaan keseluruhan individu menguasai cabaran dan tekanan dalam persekitaran. Kecerdasan emosi merupakan aspek pengendalian diri, semangat dan ketekunan serta kemampuan memotivasikan diri sendiri dan bertahan menghadapi kegagalan, kesanggupan mengendalikan dorongan hati dan emosi serta mampu memelihara hubungan dengan orang lain sebaik-baiknya dan kemampuan untuk menyelesaikan konflik.

Kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam hidup manusia kerana kesedaran emosi akan membuat keadaan jiwa seseorang itu berhati-hati untuk bertindak dan membuat keputusan. Goleman (1999) yang menyatakan bahawa kecerdasan emosional adalah lebih baik berbanding kecerdasan intelek kerana kecerdasan emosional akan menambah banyakan unsur-unsur manusiawi dalam diri seseorang. Dia menambah bahawa kecerdasan emosi boleh ditingkatkan dari semasa ke semasa. Goleman (1999) menambah bahawa kesedaran peribadi mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan hati kerana yang menjadi tunjang kepada perasaan dan emosi ialah hati. Menurut Goleman (1999), peranan hati kepada kesedaran peribadi sangat besar kerana hati mempunyai pertalian erat dengan kejayaan manusia dalam melayari kehidupan seharian. Hati juga adalah elemen yang paling kuat dalam diri manusia. Semua kehendak yang dirasai oleh manusia terletak di hati. Hal ini menunjukkan bahawa nilai seseorang manusia bukan pada rupa parasnya secara fizikal tetapi nilai yang tinggi dilihat pada batinnya iaitu kuasa hati.

### **Watak dan Perwatakan Cerita Jenaka**

Watak dan perwatakan dalam sesebuah cerita mampu memberi manifestasi positif atau negatif dalam sesebuah masyarakat. Watak atau pelaku dan perwatakan atau karakter adalah sifat kejiwaan, akhlak, atau budi pekerti yang membezakan seseorang dari orang lain. Karakter juga berkaitan dengan nilai, seperti yang dikemukakan oleh Effendy (2014) bahawa karakter adalah nilai yang khas, baik watak, akhlak, atau kepribadian seseorang, yang terbentuk dari hasil internalisasi (penghayatan) berbagai kebijakan yang diyakini dan digunakan sebagai cara pandang, berfikir, berucap, beraksi dan bertindak dalam kehidupan sehari-hari.

Pembentukan karakter berkaitan dengan kejiwaan, akhlak atau budi pekerti, kepribadian. Selanjutnya Mu'in (2011) menyatakan bahawa watak dan perwatakan manusia boleh dibentuk menerusi pendidikan budi pekerti sehingga mampu melahirkan perilaku watak dengan sifat-sifat kejujuran, bertanggung jawab, toleransi, taat janji, hati-hati, disiplin, suka menolong, kerjasama,

tabah, dan adil. Pembentukan watak ini dapat ditelusuri menerusi pemerhatian terhadap watak-watak tokoh dalam cerita-cerita jenaka peribumi Sabah. Perkara ini penting lebih-lebih lagi apabila masyarakat seringkali dimomokkan dengan karakter atau perwatakan cerita jenaka yang seringkali menonjolkan sifat-sifat atau karakter yang negative. Penonjolan kepribadian dan kaedah manifestasi watak yang membentuk nilai positif sesuai dengan akar budaya bangsa dan perlu dilakukan melalui cerita-cerita jenaka yang bukan semata-mata bertujuan untuk menghibur tetapi mampu memberi didikan moral kepada pembaca atau pendengar.

## **Dapatan Kajian**

Kajian yang dilakukan terhadap beberapa buah cerita jenaka peribumi Sabah menemukan watak dan perwatakan yang memberi manifestasi karakter atau perwatakan yang positif dan boleh dijadikan teladan. Cerita-cerita jenaka etnik Brunei menonjolkan watak Awang Sitampik dalam 'Cerita Awang Sitampik' Awang Sembilang dalam cerita 'Awang Sembilang' dan Kulub Kecil dalam cerita 'Si Kulub Kecil dan Kulub Besar' sementara tokoh yang sangat popular dalam cerita jenaka etnik Bajau ialah Si Pusung. Watak dan si Kanok-kanok dalam cerita jenaka etnik Dusun berjudul 'Si Kanok-Kanok dan Si Gangkor'. Watak-watak tersebut mampu mengawal emosi dengan baik walau dalam keadaan watak tersebut berhadapan dengan cabaran dan dugaan yang berat. Watak-watak tersebut diperhatikan tenang dan bijak dalam mengurus emosi, tekanan dan mampu berfikir dengan baik meskipun berhadapan dengan situasi yang cemas.

## **Watak yang berdedikasi dalam menuntut ilmu**

Kamus Besar Bahasa Indonesia mendefinisikan ilmu adalah pengetahuan tentang sesuatu bidang yang disusun secara sistematis menurut kaedah tertentu yang dapat digunakan untuk menerangkan gejala-gejala tertentu dalam bidang pengetahuan. Ilmu menepati kedudukan yang sangat penting dalam ajaran Islam. Hal ini terlihat daripada banyaknya ayat al-Quran yang memperlihatkan ketinggian darjat orang berilmu. Hadis-hadi nabi juga yang banyak memberi dorongan bagi umatnya untuk terus menuntut ilmu. Di dalam al-Quran kata ilmu dan kata-kata jadinya digunakan lebih 780 kali, ini bermakna bahawa ajaran Islam bagaimana tercermin dari al-Quran sangat kental dengan nuansa-nuansa yang berkaitan dengan ilmu, sehingga dapat menjadi ciri penting dari agama.

Melalui cerita Awang Setampik, watak Awang Setampik yang tidak sempurna kerana badannya hanya ada separuh, menyedari kekurangan diri. Kekurangan tidak menghalangnya untuk bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu. Ketika ibunya menghantarnya berguru dengan seorang guru, sikap sambil lewa guru tersebut tidak mematahkan semangat Awang. Dia seringkali diperlekehkan dan dikanak-nakikan oleh guru dan rakan-rakannya. Awang seorang watak yang mampu dan bijak mengawal emosinya dan tetap berdedikasi dalam menuntut ilmu. Dia juga malah berusaha untuk mencari guru sejati untuk memberikannya ilmu yang berguna. Awang Setampik meminta izin daripada ibunya untuk mencari guru yang lebih baik. Awang Setampik menjadikan semua peristiwa yang dilalui ketika dalam perjalanan menuntut ilmu sebagai ilmu baru. Seterusnya Awang Setampik telah berjumpa dengan seorang ahli sufi yang rela hati ingin mengajar Awang Setampik dengan ilmu yang ada padanya. Berkat kesungguhan dan kesabaran menuntut ilmu, Awang Setampik menjadi seorang yang berpengetahuan tinggi dan memperoleh ilmu makrifat. Disebabkan ketaatan Awang Setampik kepada gurunya, maka gurunya telah berdoa kepada Allah agar memberikan kesempurnaan kepada Awang Setampik. Walaupun, Awang Setampik telah menjadi insan yang sempurna di samping mempunyai suara

yang merdu ketika mengaji al-Quran dia bukan seorang yang suka membanggakan diri. Dia malah datang bertemu bekas gurunya yang pernah mengajarnya secara sambal lewa untuk berkongsi ilmu. Kecerdasan emosi Awang yang mampu mengawal dirinya memberikannya kebaikan. Dia bukan sahaja penuh dedikasi dalam menuntut ilmu malah tidak berdendam dan tidak sombong berkongsi ilmu yang dimiliki dengan orang lain. Sifat positif Awang ini memberi kesan yang baik bukan sahaja kepada dirinya tetapi juga boleh dijadikan contoh teladan kepada pendengar/pembaca.

### **Watak yang bersifat Jujur dan Amanah**

Kecerdasan emosi seseorang juga mampu menghalang diri daripada melakukan perbuatan yang tidak baik dan terlarang. Ia menjadi semacam petunjuk kepada seseorang agar sentiasa memiliki sifat-sifat positif agar terhindar daripada menyakiti hati orang lain. Sikap jujur dan amanah yang ditunjukkan watak-watak dalam cerita jenaka peribumi Sabah merupakan salah satu karakter yang baik untuk dicontohi, Amanah yang diberikan oleh seseorang perlu dilaksanakan sebaik mungkin dan jujur. Tanpa adanya sikap jujur pada diri seseorang menyebabkan amanah yang diberikan tidak dapat dilaksanakan atau mengundang kesan yang tidak baik kepada diri sendiri dan orang lain. Begitu juga dengan sikap jujur yang dipaparkan menerusi cerita 'Awang Setampik', Si Kanok-Kanok,

Awang Setampik watak yang dinyatakan sebelum ini penuh dedikasi juga ditampilkan jujur dan memegang amanah yang telah diberikan kepadanya. Kejujuran watak Awang Setampik terserlah dan kejujurannya menyebabkan orang lain berasa kasih kepadanya. Dia juga jujur dan berterus terang terhadap guru agamanya yang sering memperlekehkan dirinya. Dengan jujur, Awang Setampik memaklumkan kepada bekas gurunya untuk membetulkan amalan gurunya yang dianggapnya salah. Dia tidak teragak-agak untuk berterus terang dan kejayaannya mengawal emosinya bukan sahaja baik bagi dirinya tetapi juga kepada orang lain.

Dia juga jujur memegang amanah yang diberikan kepadanya oleh orang yang ditemuinya ketika dalam perjalanan menuntut ilmu. Orang pertama yang ditemuinya ialah seorang yang sedar dia melakukan dosa kerana setiap hari kerjanya adalah bersabung ayam manakala orang kedua ialah seorang yang sangat alim yang berasa dirinya telah melakukan amal ibadah yang akan menyebabkan Allah kasih kepadanya. Mereka berdua telah berpesan kepada Awang Setampik agar menyampaikan pesanan mereka masing-masing sekiranya Awang berjumpa dengan Tuhan. Setelah Awang Setampik pulang daripada menuntut ilmu, dia dengan jujur dan amanah menemukan semula dua orang tersebut dan menyampaikan pesanan (apa yang diperolehnya daripada menuntut ilmu) kepada kedua orang tersebut. Tanpa berselindung Awang memaklumkan bahawa orang yang berdosa itu boleh bertaubat sementara orang alim itu sombong dalam amal ibadahnya.

Watak dan perwatakan Kanok-Kanok dalam cerita 'Si Kanok-Kanok dan Si Gongkor' juga ditonjolkan memiliki sifat jujur dengan menjelaskan segala yang dialaminya kepada Gongkor berkenaan pertemuannya dengan Katambaig. Demikian juga kejujuran yang ditunjukkan oleh si adik terhadap abangnya dalam kisah 'Kulup Besar dan Kulup Kecil' berkenaan pertanyaan abangnya yang ingin tahu bagaimana dia boleh menjadi kaya raya secara sekelip mata walaupun anjingnya telah dibunuh dan pokoknya telah ditumbangkan. Kedua-dua watak tersebut tanpa rasa ragu menjelaskan bagaimana mereka diberi kelebihan dan dengan jujur menjelaskan segala perkara yang telah dialami agar orang yang mendengar kisah mereka turut dapat memperoleh keuntungan yang sama.

Nilai kejujuran dan amanah juga ditunjukkan merupakan salah satu nilai murni yang perlu ada pada seseorang. Kejujuran yang ada pada diri seseorang membolehkan orang lain

meletakkan kepercayaan yang sepenuhnya dengan tanggungjawab yang telah diberikan. Perwatakan jujur yang ada pada diri Awang Setampik perlulah dijadikan contoh. Pemaparan watak dan perwatakan yang memiliki kejujuran ditunjukkan untuk memberi pengajaran kepada pendengar/pembaca bahawa sesiapa yang memiliki sifat jujur akan menang dan berjaya suatu hari nanti berbanding orang yang suka menipu dan rakus.

### **Watak yang menepati Janji**

Sikap yang ditunjukkan watak-watak dalam cerita jenaka juga memperlihatkan bagaimana mereka menepati janji yang mereka pateri. Sikap dan nilai ini sangat positif dan ia adalah sikap yang berkait rapat dengan sikap jujur dan amanah sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Awang Setampik memperlihatkan sikap beliau yang berjanji untuk menyampaikan pesanan-pesanan yang diberikan oleh orang yang ditemuinya sebelum berguru.

Sikap menepati janji ini juga dapat dilihat melalui cerita Awang Sembilang yang menunaikan janjinya terhadap Sultan dan puterinya untuk menyediakan mahligai perak sebagai rumah kediaman dan jambatan emas ke istana raja. Setelah janji tersebut dapat dipenuhi oleh Awang Sembilang, Sultan dan Puteri juga akur dengan janji mereka dan bersetuju untuk berkahwin dengan Awang Sembilang sungguhpun menyedari bahawa Awang hanyalah seekor ikan. Demi mengotakan janji tersebut, tuan puteri berkahwin dengan Awang Sembilang.

Sikap atau karakter watak yang menepati janji membuktikan bahawa cerita jenaka masyarakat terdahulu turut berfungsi sebagai kritikan kepada golongan atasan seperti raja. Golongan raja dan pembesar perlu akur pada perjanjian yang telah dipateri dengan rakyat jelata. Sebagai golongan atasan, mereka seharusnya tidak memandang rendah kepada golongan bawahan dan menipu rakyat dengan janji-janji manis. Kemampuan dan kebolehan yang ada pada seseorang tidak boleh dipandang rendah. Sebenarnya, Tuan Puteri juga tidak berfikir panjang tentang kebolehan yang ada pada diri Awang Sembilang. Akhirnya, kata-kata yang diucapkan oleh Tuan puteri terpaksa ditelannya semula. Jika dilihat, seseorang itu tidak seharusnya memandang rendah pada diri orang lain kerana setiap orang mempunyai kelebihan yang tersendiri. Janji yang dibuat juga seharusnya dikotakan kerana ia berkait dengan maruah diri.

### **Watak Bijak dan Berani**

Watak dan perwatakan berani yang ditunjukkan dalam cerita-cerita jenaka biasanya mampu menghadapi dugaan dan cabaran yang mereka hadapi. Keberanian watak utama dalam sesebuah cerita jenaka memperlihatkan kegagahan yang berbeza dan bersifat istimewa berbanding watak-watak lainnya.

Kenyataan tersebut disahihkan menerusi petikan berikut yang menjelaskan bahawa watak menerusi cerita jenaka Melayu tersebut menggunakan akalinya dengan betul dan emosi yang mampu dikawal dengan baik. Akal merupakan anugerah istimewa yang diberikan oleh Allah kepada manusia untuk memikirkan perkara yang baik dan buruk dalam membuat sesuatu keputusan.

“Akal merupakan satu anugerah Allah SWT yang sangat berharga, malah kewajipan agama akan ditaklifkan kepada orang yang berakal. Kewujudan akal membantu manusia merancang, memikir, mengkaji sesuatu aktiviti dengan betul dan berkesan kerana ia juga

boleh menjadi aslat dan petunjuk kebenaran. Ia boleh dijadikan neraca pertimbangan dalam melakukan sesuatu tindakan". (Rukiah Binti Mohamad, 2008:16)

Selain akal yang bijak, seseorang juga waraj mengawal emosi dengan baik. Jika akal bijak tetapi gagal mengawal emosi segala perancangan juga tidak akan berhasil dengan baik. Kajian ini memperlihatkan watak dan perwatakan positif yang diperlihatkan menerusi cerita jenaka Si Pusung yang bukan sahaja bijak akal tetapi memiliki kemampuan emosi dan berani mempersendakan raja atau pemerintah. Si Pusong mengetahui bahawa Sultan seringkali mengambil peluang untuk mengenakannya dan Si Pusong tidak terpengaruh atau mudah terpedaya dengan aksi Sultan. Si Pusong tidak pernah memperlihatkan reaksi melawan atau menderhaka secara jelas tetapi kebijaksanaannya mengawal emosi menjadikan dia sentiasa berjaya menundukkan Sultan. Menerusi kisah 'Si Pusong yang Bijak', memperlihatkan bagaimana watak Pusung yang berjaya mengalahkan Sultan. Watak Sultan tersebut seringkali tidak berpuas hati terhadap Si Pusung kerana Pusung sangat bijak. Pada suatu hari, Sultan tersebut mendapat idea bagaimana hendak menjatuhkan hukuman terhadap Si Pusung dengan mengarahkan Pusung supaya menjaga kerbau jantannya. Pusung tidak melawan dan mengetahui tindakan Raja tersebut. Dia akur dan membawa balik kerbau jantan seraya berfikir bagaimana hendak melepaskan diri daripada tipu helah raja tersebut. Akhirnya, dia mendapat idea dan pagi-pagi lagi dia pergi ke istana dan menjerit-jerit bahawa ayahnya hendak melahirkan anak. Raja yang marah kerana dibangunkan pagi-pagi buta berasa hairan kerana baginya, adalah mustahil seorang lelaki boleh melahirkan anak. Dia bertanya pada Si Pusung dan Pusung mengatakan jika seorang lelaki tidak boleh melahirkan anak, begitu juga dengan kerbau jantan yang Sultan mahu dia pelihara dan harus dapat melahirkan baka. Tindakan tersebut telah berjaya mengakalkan sultan dan Pusung berjaya melepaskan diri daripada hukuman sultan.

Namun Sultan tersebut tetap tidak berpuas hati dan sekali lagi menguji Si Pusung dan mengarahkannya mengikat ombak yang sedang beralun di tepi pantai. Pusung tetap mengikut arahan tersebut. Pusung memaklumkan sultan bahawa dia telah berusaha untuk mengikatnya namun tidak berjaya seandainya pasir tidak diikat terlebih dahulu. Pusung meminta supaya sultan mengikat pasir terlebih dahulu. Sultan menjawab bahawa pasir tidak boleh diikat. Lalu, Pusung menjawab begitu juga dengan ombak agak mustahil untuk diikat. Sekali lagi Pusung berjaya melepaskan diri daripada hukuman sultan.

Pada suatu hari, sultan berpura-pura jatuh sakit. Baginda mengatakan hanya Si Pusung yang boleh mengubati penyakitnya. Alasan ini dijadikan baginda untuk menghukum Pusung seandainya tidak berjaya mengubatnya. Pusung pun berfikir bagaimana untuk melepaskan diri daripada tipu helah sultan. Dia telah mendapat idea untuk menyimpan air kencingnya di dalam pinggan dan najisnya di dalam kain putih. Dia mempersembahkannya kepada sultan, sambil melayangkan di hidung sultan tersebut. Keadaan najis yang bau tersebut membuatkan sultan menjerit bahawa dia telah sembuh daripada penyakitnya. Sultan berasa marah lalu menyuruh hulubalang menghukum Pusung dengan membuangnyanya ke dalam laut.

Pusung yang dianggap memiliki kecerdasan emosi tetap akur dengan hukuman tersebut. Di dalam bubu, Pusung bertelanjang bulat sambil menonggeng. Pada masa itu, lalu seorang lelaki yang bernama Palau, dia bertanya mengapa Pusung berbuat demikian. Pusung menjawab dia sangat bahagia berada di dalam bubu tersebut kerana dapat melihat kedua ibu bapanya. Palau meminta supaya dia dimasukkan ke dalam bubu tersebut. Pusung berpura-pura tidak mahu keluar sehinggalah dia kononnya berjaya dipujuk oleh Si Palau.

Ketika saat Si Pusung hendak dihumban ke dalam laut, Si Palau menjerit mengatakan dia bukannya Si Pusung sebaliknya Si Palau. Namun, mereka tidak mempercayainya. Setelah berjaya melepaskan diri dari hukuman tersebut, Pusung sengaja lalu di hadapan istana sultan. Sultan terkejut melihat Si Pusung yang masih hidup lalu bertanya mengapa dia masih hidup.

Pusung mengatakan bahawa dia sangat bahagia berada di dalam laut kerana dia dapat melihat kedua ibu bapanya yang sudah mati. Sultan percaya dengan kata-kata Si Pusung dan meminta supaya hulubalang membuatkan mereka sekeluarga bubu yang besar. Sultan sekeluarga masuk ke dalam bubu tersebut dan dijatuhkan ke dalam laut. Akhirnya, sultan sekeluarga mati lemas. Semenjak daripada itu Si Pusung berjaya melepaskan diri dari hukuman sultan tersebut.

Watak dan perwatakan si Pusung yang bijak dan berani ini juga dapat dilihat menerusi cerita Si Pusung bersama Tok Imam'. Oleh kerana ingin makan buah nangka, Pusung telah memaklumkan kepada Tok Imam untuk membrikannya putih nangka dan mengatakan ia sedap. Tok imam berasa pelik dan mahu menukarkan bahagiannya dengan si Pusung. Setelah berasa tertipu, tok imam mengarahkan Si Pusung membawa barang-barang yang dikirimkan tok Imam dengan berjalan kaki sedangkan Tok Imam duduk menunggang kuda.

Si Pusung yang merangkak kerana keberatan membawa barang telah memeklumkan kepada Tok imam bahawa dia berjalan seperti itu kerana asyik mendengar syair yang didendangkan kuda tunggangan tok Imam. Tok Imam yang berasa tercabar mendesak untuk mendengarnya. Dia bertegas untuk bertukar tempat dengan Si pusung. Si Pusung dengan bijak memberikan syarat untuk pertukaran tersebut dengan menyatakan dia harus menunggang kuda laju ke hadapan agar syair kuda mudah didengari oleh Tok Imam. Akibat ketakutan akan dimarah Tok imam yang telah ditipunya, sesampai di rumah, si Pusung berpura-pura sakit akibat terjatuh dari kuda. Isteri Tok Imam mencadangkan supaya Tok Imam pergi ke batu besar, mereka bimbang seandainya kesakitan Pusung berpunca dari tempat itu. Si Pusung telah mendengar perbualan suami isteri itu. Si Pusung telah menyamar di belakang batu dan memaklumkan kepada tok Imam bahawa Si Pusung hanya akan pulih jika Pusung dikahwinkan dengan anak tok imam. Kisah 'Si Pusung yang Bijak' itu jelas membuktikan bahawa watak dan perwatakan dalam kisah jenaka juga sarat dengan watak yang memiliki kecerdasan emosi.

### **Watak yang memiliki sifat Syukur, Sabar dan Redha**

Menurut Al-Fudhail Bin 'Iyadh, darjat orang-orang yang redha dengan ketetapan Allah sama tinggi dengan darjat orang-orang yang terpilih dan tidak ada jurang pemisah diantara mereka dengan Allah kecuali roh dan pertolonganNya (Muhammad Khalid Thabit, 2010:15). Abdul Wahid Bin Zahid menjelaskan sikap redha adalah pintu kasih sayang Allah yang paling besar, dan syurga dunia, serta kunci ketenangan bagi para hamba-hamba (Muhammad Khalid Thabit, 2010:15). Sifat syukur, sabar dan redha merupakan satu ciri yang memperlihatkan seseorang yang memiliki kecerdasan emosi dan tidak mudah putus asa.

Cerita 'Awang Setampik dan Awang Sembilang memperlihatkan bagaimana kedua-dua ibu bapa mereka sangat bersyukur atas anugerah anak kepada mereka walaupun kedua-dua watak tersebut tidak sempurna malah bukan manusia pun. Kedua ibu bapa tersebut redha dengan pemberian Tuhan kepada mereka dan sabar walaupun memiliki anak yang tidak sempurna. Anak-anak mereka juga ditonjolkan sebagai watak yang redha dan sabar pada ketentuan nasib mereka dan tidak pernah berasa rendah diri. Malah Awang Setampik diperlihatkan memiliki keazaman untuk menuntut ilmu. Sungguhpun dia telah mempunyai guru, dia berasa bahawa dia perlu mencari guru yang lebih baik dan bersabar denan sikap guru dan rakan-rakannya yang



seringkali memperlecehnya. Demikian halnya dengan Awang Sembilang yang bukan sahaja wataknya adalah ikan tetapi dia tetap bersyukur dan bersabar malah memiliki keinginan untuk beristerikan anak raja. Nilai-nilai positif yang ada dalam watak-watak ini menjelaskan bahawa watak dalam cerita jenaka Melayu yang dikatakan sial, bernasib malang adalah kurang tepat kerana watak-watak yang ditemukan dalam cerita-jenaka peribumi Sabah adalah sebaliknya.

Kecerdasan emosi seseorang mampu menjadikan mereka manusia yang bersyukur dan menerima dengan hati yang ikhlas setiap ujian yang diberikan oleh Tuhan. Demikian juga dengan kesabaran yang dimiliki oleh watak Kanok-Kanok dan Kulup Kecil. Walaupun kedua-duanya miskin tetapi kedua-duanya tidak pernah menyesali nasib mereka dan tetap berusaha untuk berjaya. Selain sikap mereka yang jujur, mereka bersyukur akan nasib diri. Sungguhpun Kulub kecil hanya memperoleh pemberian anjing daripada wasiat ibu bapanya, dia tetap sabar dan bersyukur. Ketika abangnya membunuh anjingnya, dia masih bersabar dan akhirnya beliau berjaya menjadi seorang yang berjaya dan berharta.

### **Manifestasi watak dan perwatakan yang membawa nilai Dakwah dan keinsafan**

Walaupun cerita jenaka biasanya hanya memperlihatkan watak dan perawatakan tokoh yang bodoh, malang dan dianggap sial, terdapat cerita jenaka etnik peribumi Sabah yang memperlihatkan watak utama cerita jenaka yang bukan sahaja bijak malah mampu memberi dakwah dan pengajaran kepada orang lain. Menerusi cerita Awang Setampik ketika perjalanan untuk mencari guru dia telah berjumpa dengan dua jenis perwatakan manusia yang berbeza. Pertama, manusia yang dianggap sering membuang masa dengan bersabung ayam. Kedua, manusia alim, iaitu sentiasa bangga kerana dapat melakukan solat sehingga tempat sujudnya menjadi nipis. Ketika dalam perjalanan menuntut ilmu dan Awang Setampik bertemu dengan orang yang bersabung ayam, orang tersebut telah mengirimkan pesan kepada Awang Setampik agar Tuhan menyediakan neraka untuknya kerana setiap hari dia melakukan kerja menyabung ayam. Berbeza pula dengan orang alim yang berpesan kepada Awang Setampik agar Tuhan menyediakan syurga untuknya. Setelah tamat menuntut ilmu, Awang Setampik berjumpa dengan kedua-dua orang ini dan memberitahu mereka melalui petikan dibawah.

*“Lalu, orang alim memanggil Awang Setampik dan bertanya tentang pesannya kepada Tuhan. Awang Setampik memberitahu, “Tuhan berpesan neraka sudah disediakan untukmu”. Setelah mendengar orang alim begitu terkejut dan ingin mengetahui sebab mengapa neraka disediakan untuknya. Awang Setampik pun memberitahu bahawa orang alim bersembahyang bukan kerana Allah tetapi kerana riak. Apabila mendengar pesanan yang dibawakan oleh Awang Setampik dia berasa sangat kecewa. Awang Setampik meneruskan perjalanan dan berjumpa pula dengan orang yang bersabung ayam. Orang itu bertanya kepadanya apa yang diperkatakan oleh Tuhan kepadanya? Awang Setampik berkata, “Syurgamu sudah disediakan kerana kau bersabung ayam setiap hari, kau ikhlas untuk bertaubat”. Orang yang bersabung ayam berasa senang setelah mendengar pesanan yang dibawakan oleh Awang Setampik. Tanpa membuang masa dia terus bersembahyang untuk meminta taubat daripada Tuhan.”*

Berdasarkan petikan, ia menunjukkan bahawa orang yang melakukan kerja bersabung ayam mempunyai hati yang ikhlas kerana dia sedar dia telah melakukan perkara yang salah dan berusaha untuk bertaubat sebelum terlambat. Ia berbeza pula dengan orang alim yang dianggap beribadah kerana riak dan sombong.

Cerita ini menunjukkan nilai yang terdapat dalam cerita jenaka tersebut memiliki sindiran yang mampu memberi keinsafan kepada semua golongan masyarakat. Jika sudah menyadari kesilapan yang dilakukan maka jangan terus mengulanginya. Sebaliknya, seseorang perlu menyesali keterlanjuran dan memohon keampunan daripada Allah S.W.T. dan hendaklah sentiasa merendah diri dan tidak bersikap sombong dan bangga diri.

## **Kesimpulan**

Negeri Sabah yang memiliki hampir 41 etnik yang dikategorikan berdasarkan bahasanya memiliki cerita rakyat tersendiri yang menjadi kebanggaan etniknya. Pengumpulan sastera rakyat berbentuk cerita jenaka di negeri Sabah memberi perpektif baru yang menarik berkenaan cerita jenaka. Dengan menggunakan konsep Kecerdasan emosi, tulisan ini menemukan watak dan perwatakan dalam cerita jenaka yang memperlihatkan sifat-sifat positif dan nilai yang baik. Selain mengubah tanggapan terhadap watak-watak dalam cerita jenaka Melayu, cerita jenaka peribumi Sabah terpilih memberikan karakter yang wajar dicontohi oleh masyarakat khususnya generasi muda. Ini kerana paparan watak dan perwatakan yang positif boleh menjadi sumber inspirasi dan didikan langsung kepada masyarakat pembaca. Justeru pembangunan karakter masyarakat terutama kanak-kanak perlu dilakukan menerusi pendedahan terhadap sastera rakyat seperti cerita jenaka.

## **Rujukan**

- Danandjaja, James. (1984) *Folklore Indonesia. Ilmu gossip dongeng dan lain-lain*. Pt Jakarta: Temprint.
- Effendy, C. (2014). Peran Sastra dan Bahasa Melayu dalam Membangun Karakter Bangsa. *Jurnal Jentera*, III (3), hlm. 27—30.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ*. New York: Batam Books.
- Goleman, Daniel. (1997). *Emotional Inteligence* Alih Bahsa Hermaya. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama
- Goleman, D. (1999). *Working With Emotional Intelligence*. New York: Batam Books.
- Hassan Ahmad. (2007). *Cerita Jenaka Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Ismail Hamid. (1987). “Sastera Rakyat”. dalam *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Longman.
- Lokman Abdul Samad & Suhaimi Yassin. (2020). *Siri Folklore Sabah: Koleksi Cerita Rakyat Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mu’in, F. (2011). *Pendidikan Karakter Konstruksi Teoritik dan Praktik: Urgensi Progresif dan Revitalisasi Peran Guru dan Orang Tua*. Yogyakarta: Ar-Ruzz Media.
- Noriah Taslim. (2003). “Gander, Kelas, dan Hirarki dalam cerita-cerita Jenaka Melayu: Pemandangan Dunia Nyata ke dalam kerangka olokan.” Seminar Jenaka Melayu Nusantara. 21-23 Ogos. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Noriah Taslim. (2008). "Kesusasteraan Melayu Tradisional Dalam Teori Sastera Moden." *Dewan Sastera*. Disember: 25-26.
- Noriah Taslim. (2010). "Protagonis dalam Era Pascakolonial: Perubahan Ideologi dan Naratif Baru Sastera Melayu Tradisional." Dlm *Naratif Baru Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rogayah A. Hamid, Wardati Md. Sheriff. Cetakan Pertama (2007). *Tradisi Lisan Manifestasi Cendekiawan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rukiah Binti Mohamad. (2008) *Asas-asas Pembinaan Insan*. Shah Alam. Pusat Penerbit Universiti (UPENA) UITM.
- Saiful Bahri Md. Radzi. (2001). "Pengkajian cerita Jenaka: Satu Penilaian Krisis: Persuratan Melayu." Dalam *Dari Lontar Ke Layar*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salovey, P., & Mayer, J.D. (1990). *Emotional Intelligence. Imagination, Cognition, and Personality*. Baywood Publishing Company, 9(3).
- Salovey, P., Brackett, M. A., & Mayer, J.D. (Eds.). (2007). *Emotional Intelligence: Key Readings on the Mayer and Salovey Model*. New York: Dude Publishing.
- Shamsuddin Ahmad. (2007), *Kamus Peribahasa*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Siti Aisah Murad.(1996). *Konsep Nilai dalam Kesusasteraan Melayu*: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Terjemahan Al-Quran Al-Karim Rasm Uthmani Dalam Bahasa Melayu*. (2009). Al-Hidayah House of Qur'an Sdn. Bhd,

## **Temubual**

- Pangeran Abdul Rahman b Pangeran Ali. 80. Kg Padang, Bongawan. 23 September 2012.
- Dayang Fatimah bt Awang. 75. Kg Benoni, Papa. 23 September 2012.
- Dayang Lipah bt Awang Mahmin. 92. Kg Benoni, Papa. 23 September 2012
- Dayang Normah N. C. Sulaiman. 40. Kg. Benoni. Papa. 23 September 2012.

## **Lampiran**

### **AWANG SETAMPIK**

Pada suatu masa terdapat sepasang suami isteri yang bekerja sebagai peladang yang tinggal di sebuah ladang. Tidak lama kemudian, isterinya telah melahirkan seorang anak lelaki. Sepasang suami isteri ini begitu terkejut kerana anak yang dilahirkan berada dalam keadaan sebelah. Ini kerana anak mereka mempunyai tangan, hidung, mata dan kaki yang sebelah, maka ia dipanggil

sebagai Awang Setampik. Walau bagaimanapun, mereka redha menerima ketentuan Allah dan menjaga Awang Setampik dengan penuh kasih sayang.

Setelah Awang Setampik dewasa, ibu bapa Awang menghantar Awang belajar mengaji. Disebabkan gurunya melihat keadaan Awang Setampik yang tidak sempurna maka gurunya mengajar ilmu yang salah dan secara main-main seperti memberitahu kepada Awang Setampik, “Ada air, ada ikan”, “Biji angka tiga ulas, tinggal satu”. Oleh itu, semua murid yang mendengar, mentertawakan Awang Setampik. Setelah lama berfikir, Awang Setampik mengambil keputusan untuk mencari guru yang sejati untuk mengajar ilmu yang benar.

Awang Setampik mengambil keputusan tersebut kerana sedar dirinya tidak sempurna tetapi perlu mempunyai ilmu yang sempurna. Dia berkata kepada dirinya, “Aku ini cacat jadi tidak ada yang sanggup mengajar aku dengan betul dan dipermainkan”. Awang Setampik telah meminta kebenaran daripada ibunya untuk pergi menuntut ilmu dan disediakan sedikit bekalan makanan. Emaknya telah menyediakan tiga biji ketupat yang dibungkus dengan kain untuk bekalan perjalanan anaknya.

Dalam perjalanan, Awang Setampik berjumpa dengan buaya. Awang Setampik terkejut melihat buaya yang tersadai dan tidak dapat bergerak kerana terperangkap di bawah ranting kayu. Buaya yang ternampak Awang Setampik telah bersuara untuk meminta pertolongan. Buaya berkata, “Oh Awang Setampik kau tolong keluarkan aku ini yang sudah tidak berdaya untuk keluar sebab aku terperangkap oleh runkap. Kau sepatutnya tengok apa yang terjadi ke atas diriku”. Awang Setampik yang tidak sanggup melihat keadaan buaya telah menghulurkan pertolongan. Maka, Awang Setampik terpaksa melepaskan tiga biji ketupat bekalan yang diberikan oleh emaknya kerana ingin menolong buaya. Dia membersihkan semua ranting-ranting supaya buaya dapat bergerak dan lari keluar daripada runkap itu. Setelah Awang Setampik berjaya mengeluarkan buaya daripada runkap buaya telah berpesan kepada Awang Setampik, “Satu masa apabila kau balik nanti jumpa aku kerana aku ingin memberitahu sesuatu kepada kau”. Awang Setampik menjawab, “Baiklah”. Aku akan berjumpa dengan kau setelah aku kembali.

Awang Setampik meneruskan perjalanan dan dalam perjalanan tersebut dia berjumpa dengan orang tua yang bersabung ayam dari pagi hingga petang. Orang tua tersebut telah bertanya ke mana arah tujuan Setampik. Setampik menjawab, aku mahu mencari guru yang boleh mengajar aku mengaji, berguru kepada orang, sanggup mengajar aku bukan mainkan aku. Kata orang yang bersabung ayam, “Baiklah”. Lalu orang itu berpesan kepada Awang Setampik dengan menyatakan, “Kalau kau berjumpa Tuhan, Awang Setampik sampaikan salam kepada Tuhan. Sediakan aku neraka sebab aku hanya tahu bersabung ayam kerjaku”. “Baiklah”, kata Awang Setampik.

Setelah itu Awang Setampik terus berjalan dan tidak lama Awang Setampik berjumpa pula dengan orang alim. Awang Setampik terkejut melihat batu tempat orang alim sembahyang telah menjadi nipis malahan menjadi haus. Secara tidak sengaja orang alim ternampak Awang Setampik dan bertanya Awang Setampik, “Kau mahu ke mana”? Awang Setampik berkata, “Aku mencari guru yang sanggup mengajar aku yang cacat ini”. “Baiklah”, kata orang alim itu. Orang alim tersebut berpesan kepada Awang Setampik begini, “Kalau engkau ada jumpa Tuhan sampaikan aku minta sediakan syurgaku”. “Baiklah”, kata Awang Setampik. Selepas orang alim mengirimkan pesan kepada Tuhan Awang Setampik terus berjalan.

Perjalanan yang seterusnya dia telah berjumpa dengan seorang ahli sufi. Ahli sufi telah menegur dan bertanya kepada Awang Setampik, “Engkau mahu ke mana?”. Awang Setampik

memberitahu bahawa dia mahu mencari seorang guru untuk belajar mengaji al-Quran dan segala ilmu yang sepatutnya dia belajar. Kata ahli sufi itu, “di sinilah tempatmu untuk menuntut ilmu”. Setelah Awang Setampik menetap di situ maka dia belajar membaca al-Quran dan sebagainya. Dengan izin dan kuasa Tuhan segala doa orang alim yang berdoa kepada Allah supaya Awang Setampik dipulihkan menjadi manusia biasa. Akhirnya, Allah mengabulkan doa orang alim. Awang Setampik begitu bersyukur kepada Allah kerana akhirnya dia telah menjadi manusia yang normal. Awang Setampik dapat membaca al-Quran dengan suara yang sangat merdu dan dia lebih mudah belajar membaca al-Quran dan belajar ilmu agama yang mendalam daripada ahli sufi. Oleh kerana, Awang Setampik sudah mempunyai ilmu yang mencukupi, ahli sufi menyuruhnya agar pulang ke tempat asal untuk menyampaikan dakwah. Tanpa membantah, Awang Setampik pun pulang untuk menyampaikan ilmu yang telah diperolehinya selama menuntut ilmu dengan ahli sufi tersebut.

Dalam perjalanan pulang, sekali lagi dia berjumpa dengan orang alim yang kuat sembahyang sehingga batu menjadi haus kerana dijadikan tempat bersujud. Lalu, orang alim memanggil Awang Setampik dan bertanya tentang pesannya kepada Tuhan. Awang Setampik memberitahu, “Tuhan berpesan neraka sudah disediakan untukmu”. Setelah mendengar orang alim begitu terkejut dan ingin mengetahui sebab mengapa neraka disediakan untuknya. Awang Setampik pun memberitahu bahawa orang alim bersembahyang bukan kerana Allah tetapi kerana riak. Apabila mendengar pesanan yang dibawakan oleh Awang Setampik dia berasa sangat kecewa. Awang Setampik meneruskan perjalanan dan berjumpa pula dengan orang yang bersabung ayam. Orang itu bertanya kepadanya apa yang diperkatakan oleh Tuhan kepadanya? Awang Setampik berkata, “Syurgamu sudah disediakan kerana kau bersabung ayam setiap hari kau ikhlas untuk bertaubat”. Orang yang bersabung ayam berasa senang setelah mendengar pesanan yang dibawakan oleh Awang Setampik. Tanpa membuang masa orang yang bersabung ayam terus bersembahyang untuk meminta taubat daripada Tuhan.

Awang Setampik meneruskan perjalanannya dan bertemu pula dengan buaya yang pernah dijumpai. Buaya berkata kepada Awang Setampik, “Ada sudah hartamu aku sediakan kau sekarang jadi orang kaya”. Buaya mengaku kepada Awang Setampik bahawa dia berasa amat berdosa kerana sudah makan manusia termasuk perempuan yang cantik. Ini disebabkan perempuan yang cantik itu memakai emas. Lalu buaya mengumpulkan emas-emas yang diperolehi apabila perempuan cantik yang menjadi mangsanya. Oleh kerana menyesal dengan perbuatannya, buaya telah menyerahkan semua hartanya kepada Awang Setampik dan menyuruh membawa pulang ke rumah. Buaya juga mengaku bahawa selama ini dia yang tamak. Awang Setampik tidak menolak tawaran yang diberikan oleh buaya malah mengambil harta tersebut dan terus membawa pulang ke rumah.

Emak Awang Setampik sangat terkejut apabila melihat Awang Setampik pulang ke rumah kerana telah bertukar menjadi manusia yang normal bukan lagi dalam keadaan yang tidak sempurna. Awang Setampik telah memberitahu kepada emaknya bahawa dahulu dia pernah dihina kerana keadaan diri yang tidak sempurna disebabkan keadaan badan yang sebelah. Dia juga memberitahu emaknya bahawa dia menjadi seorang yang kaya kerana mendapat harta yang diberikan oleh seekor buaya. Tanpa membuang masa, Awang Setampik menuju ke rumah gurunya. Gurunya yang melihat kedatangan Awang Setampik berasa hairan malah langsung tidak mengenali bekas anak muridnya. Guru tersebut telah bertanya kepada Awang Setampik, “Siapakah kau ini?”. Jawabnya, ”Akulah Awang Setampik yang kau hinakan dulu”. Awang Setampik juga telah memberitahu tujuan datang ke rumah gurunya adalah untuk mengajar gurunya tentang ilmu kebenaran yang diperolehi ketika menuntut ilmu dengan ahli sufi. Mendengar ungkapan Awang Setampik, gurunya berasa hairan dan masih tidak percaya bahawa orang di hadapannya adalah Awang Setampik. Untuk membuktikan bahawa dirinya ialah Awang Setampik maka dia menceritakan bagaimana dia telah pergi menuntut ilmu daripada seorang ahli

sufi. Di situlah dia telah menjumpai seorang guru sejati dan menyampaikan kebenaran. Awang Setampik memberitahu lagi bahawa dia ingin mengajar gurunya tentang ilmu yang pernah dituntut daripada ahli sufi tersebut. Gurunya sangat menyesal dengan perbuatannya yang terdahulu kerana tidak serius dalam menyampaikan ilmu kepada seorang murid yang tidak sempurna. Gurunya yang malu dengan Awang Setampik telah bersedia untuk menuntut ilmu daripada bekas seorang anak murid.

### **AWANG SEMBILANG**

Di sebuah kampung terdapat sepasang suami isteri yang tinggal di hujung tanjung. Setiap hari suaminya pergi ke laut untuk menangkap ikan kerana hidup mereka sangat susah. Boleh dikatakan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Tidak lama kemudian, pasangan suami isteri sangat gembira kerana mereka bakal menimang cahaya mata. Lalu, isterinya mengandung dan mengidam untuk makan ikan sembilang. Suaminya pergi ke laut untuk mencari dan menangkap ikan sembilang untuk dibawa pulang ke rumah. Setelah berjaya mendapat ikan sembilang, hati suami begitu gembira dan tidak sabar untuk membawanya pulang ke rumah. Setiba di rumah, isterinya telah mengambil ikan sembilang tersebut lalu memasaknya. Isterinya sangat berselera makan ikan sembilang sehingga habis tanpa memberi sedikit pun kepada suami. Walau bagaimanapun, suaminya tidak kecil hati kerana dia faham tabiat perempuan mengidam. Tidak lama kemudian kandungan isterinya besar dan cukup bulan untuk melahirkan anak. Akhirnya, si isteri telah melahirkan bukan seorang anak tetapi seekor sembilang. Mereka tetap menerima seadanya akan kehadiran ikan sembilang. Ikan sembilang tersebut telah dibela dengan baik dan diletakkan di dalam pasu. Tidak lama kemudian, ikan sembilang telah besar dan mereka menamakan 'Awang Sembilang'.

Suatu hari, Awang Sembilang telah menyatakan hasrat hati kepada ibu bahawa dia ingin berkahwin dengan puteri raja. Setelah mendengar hasrat anaknya itu, ibunya telah berkata, "Macam mana engkau mahu berkahwin dengan anak raja sedangkan engkau seekor ikan Wang? manakan orang mahu berkahwin dengan engkau". Awang Sembilang tetap dengan pendiriannya dan menyuruh ibunya pergi ke istana untuk mencuba nasib dan membawanya bersama di dalam pasu. Setelah tiba di istana, ibu Awang Sembilang berjumpa dayang istana dan menyatakan hasrat anaknya. Ibu Awang Sembilang berkata, "Tujuan hamba datang adalah membawa hajat untuk meminang Tuan Puteri raja untuk anakku Awang Sembilang". Dayang yang mendengar ucapan tersebut telah ketawa.

Awang Sembilang dan ibunya telah dibawa untuk menghadap raja, iaitu bapa kepada Puteri raja. Ibunya telah meletakkan pasu yang berisi Awang Sembilang bersebelahan dengan raja. Raja telah bertanya tujuan mereka datang ke istana. Lalu, ibunya berkata, "Ampun tuanku hamba datang untuk meminang Tuan Puteri raja". Raja terkejut apabila melihat di dalam pasu hanyalah seekor ikan sembilang. Untuk menjaga hati ibu Awang Sembilang, raja telah bersetuju dengan syarat perlu bertanyakan terlebih dahulu kepada puterinya. Apabila dipanggil, Tuan Puteri telah keluar dan Tuanku menunjukkan kepada puterinya, Awang Sembilang yang berada di dalam pasu. Tuanku bertanya lagi sama ada puterinya mahu menerima atau menolak pinangan Awang Sembilang. Tuan Puteri terus ketawa apabila melihat Awang Sembilang yang berada di dalam pasu itu.

Tanpa berfikir panjang, Tuan Puteri terus bersetuju dengan pinangan Awang Sembilang tetapi Awang Sembilang harus mematuhi syarat yang dinyatakan oleh Tuan Puteri. Syarat yang diletakkan oleh Tuan Puteri adalah rumah Awang Sembilang harus dibina dengan mahligai perak. Dari mahligai perak menuju ke istana harus mempunyai jambatan yang diperbuat daripada emas. Jika permintaan tersebut boleh dipenuhi oleh Awang Sembilang maka Tuan Puteri akan

mengahwininya. Ibunya yang mendengar berasa susah hati dengan permintaan Tuan Puteri dan membawa Awang Sembilang pulang ke rumah. Setelah tiba di rumah, ibunya telah berkata kepada Awang Sembilang, “Kau sudah dengar permintaan Tuan Puteri tadi?”. “Aku mendengar,” jawab Awang Sembilang. “Tapi ibu jangan susah hati, Inshaallah aku boleh menyediakan semua permintaan Tuan Puteri”.

Pada waktu tengah malam, ketika bulan terang, Awang Sembilang telah keluar dari sarung ikan sembilang kerana dia merupakan anak raja dari kayangan. Awang Sembilang telah meminta kepada dewa-dewa dengan menyebut, “*Yang-yang dewata, bukan aku asal si tandang di sugut, aku asal dari anak raja kayangan.* Jadikanlah rumah kami sebagai mahligai perak dan dari mahligai ini adakan jambatan emas sampai ke istana raja”. Dalam sekelip mata permintaan Awang Sembilang terlaksana. Bagaimanapun, Awang Sembilang masuk semula ke dalam sarung ikan sembilang dan berada di dalam pasu. Keesokan pagi, apabila ibu dan ayahnya bangun dari tidur mereka terkejut kerana rumah mereka telah bertukar menjadi mahligai perak. Terdapat jambatan emas yang berkilau-kilau menuju ke istana raja. Raja yang bangun pada pagi itu juga terkejut kerana keadaan riuh tentang kewujudan jambatan emas dan mahligai perak. Awang Sembilang berkata kepada ibunya, “Ibu bawalah aku yang di dalam pasu ini ke istana”.

Di istana, ibu Awang Sembilang telah mengadap tuanku. Tuanku bertanya lagi, “Adakah kamu menyediakan rumah perak dan jambatan emas?”. Ibu Awang Sembilang mengiyakan kepada raja. Raja masih tidak percaya kerana ia berlaku dalam sekelip mata. Ibu Awang Sembilang dengan bersungguh-sungguh menyakinkan raja. Tambahnya lagi, perjanjian telah dibuat maka janji perlu dilaksanakan kerana semua permintaan Tuan Puteri sudah terlaksana. Tuan Puteri yang mendengar telah menangis dan menyesal dengan kata-kata yang telah diucapkan. Oleh itu, akhirnya Tuan Puteri telah berkahwin dengan Awang Sembilang.

Setiap malam, Awang Sembilang tidur di dalam pasu manakala Tuan Puteri tidur di atas katil. Setiap malam juga, inang menyediakan siri pinang, halwa dan juadah makanan untuk Tuan Puteri. Setiap kali, Tuan Puteri bangun dari tidur semua makanan tersebut telah habis dimakan dan menyebabkan Tuan Puteri kehairanan. Mustahil baginya Awang Sembilang yang makan kerana dia merupakan seekor ikan dan berada di dalam pasu. Tuan Puteri mengesyaki bahawa terdapat orang lain yang berani makan juadah hidangan tersebut.

Untuk mengetahui hal tersebut, satu malam Tuan Puteri telah mengintai di sebalik langsir dan terkejut kerana seorang lelaki yang tampan telah keluar dari pasu tersebut. Lelaki tersebut menuju ke bilik air untuk mandi dan bersiap-siap untuk makan sireh dan juadah yang telah disediakan oleh dayang. Setelah subuh hampir tiba, lelaki tersebut masuk semula ke dalam pasu. Tuan Puteri baru mengetahui bahawa Awang Sembilang bukan ikan sembarangan tetapi begitu istimewa. Pada malam berikutnya, Tuan Puteri telah berpakat dengan orang istana untuk menangkap Awang Sembilang ketika dia sedang makan.

Pada malam berikutnya, Awang Sembilang telah keluar dari pasu tersebut untuk membersihkan diri dan menjamah hidangan yang telah disediakan oleh dayang. Awang Sembilang makan dengan begitu berselera sekali kerana hanya dia seorang berada di dalam bilik tersebut. Sebaliknya, Tuan Puteri bersama orang istana telah pun mengintai dan bersiap sedia untuk menangkap Awang Sembilang. Setelah selesai makan, Awang Sembilang bersiap sedia untuk masuk semula ke dalam sarung sembilang tetapi sebelum sempat dia masuk ke dalam sarung tersebut, dia telah ditangkap. Awang Sembilang begitu terkejut kerana orang-orang istana bersama Tuan Puteri telah berjaya menangkapnya. Lalu, Awang Sembilang pun menceritakan perkara sebenar kepada isterinya bahawa dia merupakan anak raja dari kayangan yang menyamar sebagai ikan sembilang. Selepas itu, Awang Sembilang membawa ibu dan ayahnya tinggal di istana bersama-sama dan mereka hidup bahagia.

## **KULUP BESAR KULUP KECIL**

Cerita ini mengisahkan seorang ibu yang mempunyai dua orang anak lelaki. Setelah si ibu meninggal dunia, dia telah meninggalkan harta kepada dua orang anaknya. Harta yang ditinggalkan ialah 100 ekor kerbau dan satu ekor anjing. Apabila pembahagian harta dibuat oleh anak lelaki sulung telah mengambil kesemua 100 ekor kerbau manakala si adik lelaki yang bongsu hanya mendapat seekor anjing. Pembahagian harta ini telah dibuat oleh si abang kerana dia merupakan anak lelaki sulung. Setelah pembahagian harta dibuat, si adik menerima seadanya tanpa sedikitpun membantah.

Ketika musim membajak sawah tiba, si abang boleh mengganti-gantikan kerbau untuk melakukan kerja pembajakan. Si adik pula hanya menggunakan anjing yang seekor itu untuk membajak sawah. Anjing milik si adik sebenarnya bukan sembarangan anjing kerana ia mempunyai kesaktian. Anjing ini dapat melakukan kerja membajak sawah dengan begitu cepat berbanding kerbau-kerbau milik si abang. Si abang begitu hairan melihat anjing yang begitu cepat melakukan kerja membajak sawah sedangkan kerbau-kerbau miliknya lambat melakukan kerja. Perasan tidak puas hati mula timbul pada diri si abang terhadap anjing milik adiknya. Si abang begitu marah lalu berkata, “Kenapa pula anjing ini lebih cepat daripada kerbau saya?”. Oleh kerana si abang sudah lama berdendam dengan anjing yang luar biasa itu maka dia memukul anjing sehingga mati. Si adik menangis kesedihan kerana mendapat tahu bahawa anjing kesayangannya telah dibunuh. Malahan, si adik tidak lagi mempunyai haiwan untuk melakukan kerja membajak sawah.

Suatu malam, si adik telah bermimpi mengenai anjing kesayangannya. Dalam mimpi tersebut anjing kesayangannya telah datang dan memberitahu, “Jangan kau susah, kau tanam aku dekat dengan pokok buluh”. Keesokan pagi, si adik telah bangun tidur lebih awal untuk pergi menanam anjingnya berdekatan pokok buluh seperti yang diarahkan oleh anjingnya dalam mimpi. Tidak lama kemudian, pokok buluh telah tumbuh berdekatan dengan kubur anjing. Pada malamnya, si adik telah bermimpi lagi bahawa anjingnya telah datang dan berkata, “Kau jangan susah. Kau akan jadi seorang yang kaya. Setiap pagi, kau bangun kau goncang saja pokok buluh ini kerana daun yang gugur itu akan menjadi emas”. Setiap pagi, apabila si adik bangun dari tidur dia akan menuju ke pokok buluh dan terus menggoncang pokok itu. Semua daun yang jatuh ke tanah telah menjadi emas. Dia telah menjadi seorang yang kaya-raya hanya dengan menggoncang pokok buluh setiap pagi. Emas yang dia dapat daripada pokok buluh itu telah dijual di pasar dan ramai orang berebut mahu membelinya.

Setiap kali dia menjual di pasar banyak duit yang diperolehinya. Dia telah membeli minyak wangi. Setiap hari selepas menjual emas dia membeli minyak wangi dan meminum minyak wangi tersebut sebagai amalan harian. Si abang hairan melihat kemewahan hidup si adik sedangkan anjing sudah tidak ada untuk kerja membajak di sawah. Si abang juga ingin mengetahui bagaimana si adik dapat hidup dalam keadaan senang lalu bertanya, “Macam mana engkau sekarang menjadi mewah?”. Oleh kerana sifat si adik yang baik hati maka dia pun berceritalah dengan jujur. Si adik juga berkata kepada si abang, “Dulu engkau bunuh anjingku sekarang anjing itu aku tanam dan telah menjadi pokok buluh. Tambahnya lagi, setiap pagi apabila bangun dari tidur dia pergi ke pokok buluh lalu menggoncang pokok buluh dan daun yang gugur ke tanah telah menjadi emas. Makanya, setiap hari aku jual di pasar untuk belanjaku”. Kata si adik. Si abang yang mendengar cerita tersebut daripada adiknya telah berkata di dalam hati, “Pagi esok aku akan bangun lebih awal dari adik untuk pergi ke pokok buluh dan goncang”. Namun, pagi esok abangnya pergi menggoncang pokok buluh. Abangnya begitu marah kerana setelah pokok buluh digoncang yang jatuh hanyalah tahi anjing. Malah, si abang juga menuduh



adiknya tembirang. Akibatnya si abang terus menebang pokok buluh. Sekali lagi, si adik menangis kerana mendapat tahu bahawa pokok buluhnya sudah ditebang oleh si abang.

Pada malamnya, di dalam mimpi si adik anjing telah datang kepadanya dan berkata, “Jangan kau susah selama aku berikan kau emas itu kau minum saja minyak wangi. Sekarang kau pergi ke pasar dan kedai-kedai kau jemput semua orang untuk mencium kentutmu. Mencium kentutmu membolehkan semua orang akan datang kerana bau wangi, iaitu wangi yang luar biasa”. Keesokan hari, si adik telah pergi ke pasar dan memanggil semua orang dan meminta bayaran terlebih dahulu untuk haruman minyak wangi. Katanya, dia mahu menjual minyak wangi yang sangat harum baunya yang tidak pernah dijual oleh orang lain. Semua orang telah membuat bayaran dan berkumpul demi minyak wangi yang keluar dari kentut si adik.

Pada mulanya, si adik tidak begitu yakin untuk kentut tetapi apabila dia kentut bau yang dikeluarkan begitu harum sekali sehingga orang yang berada di situ menjadi khayal. Setiap hari, si adik ke pasar untuk kentut dan semua orang berkumpul dan tidak sabar menunggunya. Semua orang dipasar meminta si adik agar kentut untuk mengeluarkan bau minyak wangi yang harum. Dengan melakukan pekerjaan begitu, dia mendapat duit yang banyak dan dapat menampung kehidupannya.

Si abang berasa pelik walaupun pokok buluh sudah ditebang hakikatnya kehidupan si adik masih lagi berada dalam kemewahan dan bertambah kaya. Disebabkan perasaan cemburu dan tamak menguasai diri si abang bertanya lagi kepada si adik, “Macam mana orang mencium kentut kau berbau wangi dan orang cium kentut orang sanggup bayar kepada kau?”. Pertama sekali si adik menjawab, “Itulah abang dulu buluh aku ditebang aku sudah tidak mempunyai apa-apa. Tapi alhamdulillah aku hanya makan bubur kacang saja selama aku menjual daun buluh. Setiap hari aku makan bubur kacang”. Adiknya terpaksa bercakap bohong kerana sudah mengetahui niat dan perangai abangnya yang tamak dan hasad dengki. Si abang ingin memastikan adakah adiknya memberitahu perkara yang sebenar dengan bertanya, ‘Iyakah?’. Si abang bertanya lagi, “Jadi berapa lama kau makan bubur kacang?” Si adik memberitahu selama dia menjual daun buluh. Apabila mendengar penjelasan si adik lalu setiap hari si abang juga turut menjadikan bubur kacang sebagai makanan harian. Lama-kelamaan si abang telah mengalami cirit-birit kerana makan bubur kacang namun dia terpaksa menahan perutnya.

Apabila si abang berada di pasar, dia telah membuat pengumuman bahawa sesiapa yang ingin mencium kentutnya bolehlah datang berada dekat dengannya dan memberi bayaran. Disebabkan muka dua orang adik beradik lelaki yang hampir serupa menyebabkan semua orang yang berada di pasar tidak dapat membezakan yang mana si adik dan si abang. Semua orang sudah menggelilinginya dan ada juga yang berada dekat dengan punggung kerana mahu mencium bau yang lebih wangi. Si abang pun bersedia untuk kentut dan apabila dia kentut bau yang keluar bukannya bau yang harum sebaliknya najis. Semua orang yang berada di pasar begitu marah kerana tertipu dan terus memukul si abang. Akhirnya si abang mati.

## **SI KANOK-KANOK DAN SI GONGKOR**

Pada zaman dahulu, ada seorang lelaki yang jujur, bijak dan rajin bekerja tinggal di sebuah kampung. Nama lelaki itu ialah Si Kanok-kanok. Dia bekerja sebagai petani dan menternak pelbagai haiwan peliharaan di kawasan rumahnya. Pada suatu hari, bekalan kayu api di rumahnya semakin sedikit. Kemudian Si Kanok-kanok pun mengambil keputusan untuk pergi ke hutan mendapatkan kayu api. Maka, berangkatlah dia ke hutan.

Setelah lama berjalan seorang diri di hutan, tibalah Si Kanok-kanok di tebing lubuk sungai. Dia melihat lubuk sungai itu sangat luas dan dalam airnya. Disekeliling lubuk itu terdapat banyak

pokok kayu yang mudah ditebang dan sesuai dijadikan kayu api. Maka, mulalah si Kanok-kanok menebang pokok di tebing lubang itu.

Semasa menebang pokok, tiba-tiba mata 'wasoi' Si Kanok-kanok tercabut dari tangkainya dan jatuh ke dalam lubang sungai yang dalam itu. Si Kanok-kanok tiada pilihan, selain daripada terjun ke sungai itu dan mencari *wasoi* yang jatuh itu. Sudah lama Si Kanok-kanok menyelam dan mencari wasoi namun si Kanok-kanok belum juga menemui wasoi itu. Hari semakin lewat, matahari hampir terbenam namun Si Kanok-kanok tidak berputus asa. Dia menyelam lebih dalam lagi ke dasar lubang sungai itu. Tiba-tiba dia menemui sebuah kediaman di dasar sungai itu. Si Kanok-kanok pun masuk ke rumah itu dan bertemulah dia dengan seorang lelaki tua yang digelar sebagai Katambaig.

Orang tua itu bertanya kepada Si Kanok-kanok, "Apa yang kamu cari Kanok-kanok?" dengan jujur Si Kanok-kanok menjawab, "Saya sedang mencari *wasoi* saya yang terjatuh di lubang ini semasa saya menebang pokok tadi." Orang tua itu menjawab, "Jangan risau Kanok-kanok sini-sini juga ba itu *wasoi* kau," katanya. Oleh kerana hari sudah hampir malam, Si Katambaig itu pun mengajak Si Kanok-kanok bermalam di rumahnya. Si Kanok-kanok pun menerima cadangan itu.

Waktu malam, mereka pun berbual-bual. Si Katambaig mula bertanya kepada Si Kanok-kanok, "Apa pula benda yang mempunyai banyak lubang dan apabila dilemparkan banyak ikan akan terperangkap?" tanya Si Katambaig. Si Kanok-kanok tahu jawapan soalan itu ialah rambat (jala). Namun, Si Kanok-kanok menjawab bahawa dia tidak tahu. Kemudian Si Katambaig bertanya lagi, "Apa pula benda yang bulat dan apabila disorong-sorong semua ikan terperangkap di dalamnya?" soal Si Katambaig. Si Kanok-kanok tahu jawapannya ialah *siud* tetapi dia menjawab dia tidak tahu. Si Katambaig terus bertanya lagi, "Apa pula benda yang dicelupkan ke dalam air dan apabila ditarik ikan akan tersangkut kepadanya dan dikeluarkan daripada air?" Si Kanok-kanok tahu yang dimaksudkannya ialah *rangawan*, tetapi Si Kanok-kanok menjawab dia tidak tahu benda itu. Si Katambaig berpuas hati dengan jawapan Si Kanok-kanok dan mereka pun tidur.

Keesokan harinya sebelum Si Kanok-kanok pulang, Si Katambaig pun memberikan *wasoi* yang dicari-cari oleh Si Kanok-kanok. Selain itu, Si Katambaig memberikan pilihan kepada Si Kanok-kanok supaya memilih labu-labu yang terdapat di belakang Si Katambaig. Apabila mereka pergi ke belakang rumah, terdapat banyak sekali labu di sana sini, ada yang besar, kecil, tua dan yang muda. Lalu Si Kanok-kanok pun memilih labu yang sederhana besarnya dan masih muda. Si Katambaig pun memberikan pesanan kepada Si Kanok-kanok, "Kanok-kanok! Semasa perjalanan balik nanti jangan sesekali kamu memandang ke belakang selagi kamu belum sampai ke pintu rumahmu, manakala labu yang dibawa itu, jangan dibelah sebelum tiba di rumah" kata Si Katambaig. Si Kanok-kanok mengangguk lalu mengucapkan terima kasih dan selamat tinggal kepada Si Katambaig sebelum dia berangkat pulang.

Semasa perjalanan pulang ada banyak suara menyahut Si Kanok-kanok dari belakang tetapi Si Kanok-kanok tetap bersabar dan tidak menoleh ke belakang. Apabila tibanya Si Kanok-kanok ke rumahnya, maka dipandanglah ke belakang dan ada seorang gadis yang sangat rupawan bagaikan bidadari. Gadis itu pun menjadi pasangan hidup Si Kanok-kanok. Apabila Si Kanok-kanok membelah labu yang dibawanya didapati ada sepucuk '*susupuk*' di dalamnya. *Susupuk* itu merupakan *susupuk* sakti yang boleh digunakan untuk mendapatkan apa sahaja yang dikehendaki oleh Si Kanok-kanok. Semenjak itu, hidup Si Kanok-kanok sangat bahagia dan kaya-raya.

Ada seorang lelaki sekampung dan seumur dengan Si Kanok-kanok. Orang ini sangat malas dan sering melakukan pekerjaannya secara terburu-buru, tergopoh-gapah dan kurang bersabar. Nama lelaki itu ialah Si Gongkor. Dia sangat cemburu melihat Si Kanok-kanok, lalu pergilah Si Gongkor menemui Si Kanok-kanok dan bertanya rahsia bagaimana Si Kanok-kanok boleh menjadi kaya-raya dan mendapat isteri yang sangat cantik. Si Kanok-kanok pun

menceritakannya kepada Si Gongkor dan bersungguh-sungguhlah Si Gongkor ingin menjadi seperti Si kanok-kanok.

Si Gongkor pun mengambil *wasoi* dan berpura-pura pergi menebang pokok. Setibanya dia di tempat Si Kanok-kanok menebang pokok dahulu, maka dengan sengaja Si Gongkor menjatuhkan *wasoi* kepunyaannya ke lubuk sungai itu. Ditunggunya hingga hampir malam barulah Si Gongkor menyelam ke dasar lubuk itu dan berpura-pura mencari *wasoinya* yang hilang.

Setelah semakin dalam Si Gongkor menyelam, maka ditemuinya rumah di dasar lubuk itu. Ada seorang tua di dalam rumah itu dan pergilah Si Gongkor bertemu dengan orang tua itu yang digelar Katambaig. Sesampainya Si Gongkor di hadapan Si Katambaig, maka bertanyalah Si Katambaig kepada Si Gongkor, “Gongkor! Apa kamu buat di sini? Apa yang kamu cari?” Si Gongkor pun menjawab, “Eh? Kamu kenal pula saya *gaman*? Saya sedang mencari mata *wasoi* saya yang jatuh di dalam lubuk ini”, katanya. “Janganlah kamu risau Gongkor, sini-sini juga ba itu kamu punya *wasoi*, kamu tidurlah dahulu sini kerana hari hampir malam”, kata Si Katambaig kepada Si Gongkor. Kemudian bermalamlah Si Gongkor di rumah si Katambaig.

Pada waktu malam mereka pun berbual-bual. Lalu Si Katambaig pun bertanya kepada Si Gongkor, “Apa pula benda yang mempunyai banyak lubang dan apabila ia dilemparkan banyak ikan akan terperangkap?” lalu dengan segera Si Gongkor menjawab, “Oh! Rambat ba itu *gaman*.” Selepas itu Si Katambaig bertanya lagi, “apa pula benda yang bulat dan apabila di sorong-sorong semua ikan terperangkap di dalamnya?” lalu dengan segera Si Gongkor menjawab, “Oh! Siud itu *gaman*”. Kemudian Si Katambaig pun bertanya lagi kepada Si Gongkor, “apa pula benda yang dicelupkan ke dalam air dan apabila ditarik ikan akan tersangkut kepadanya dan dikeluarkan daripada air?” Lalu dengan segera Si Gongkor menjawab, “Oh! *Rangawan* itu *gaman*.” Setelah mendengar jawapan yang diberikan oleh Si Gongkor, Si Katambaig pun kurang senang hati berbual dengan Si Gongkor dan pergilah dia tidur tanpa mepedulikan Si Gongkor.

Keesokan harinya sebelum Si Gongkor balik dengan sengaja dia mengejutkan Si Katambaig daripada tidurnya. Kemudian Si Katambaig pun memberikan *wasoi* Si Gongkor yang dicari-cari oleh Si Gongkor. Selepas itu, Si Katambaig tidak melayan lagi Si Gongkor. Tanpa malu-malu Si Gongkor sengaja meminta daripada Si Katambaig labu yang terdapat di belakang rumahnya. Lalu, Si Katambaig pun membawa Si Gongkor ke belakang rumahnya dan memberikannya peluang untuk memilih. Tanpa berfikir panjang Si Gongkor pun memilih labu yang paling besar dan paling tua. Kemudian, Si Katambaig pun memberikan pesan kepada Si Gongkor supaya jangan menoleh ke belakang sebelum dia sampai di hadapan pintu rumahnya. Begitu juga dengan labunya, jangan dibelah selagi belum sampai di rumahnya.

Setelah itu, Si Gongkor pun mengucapkan terima kasih dan selamat tinggal kepada Si katambaig. Semasa perjalanan pulang ada banyak suara memanggil-manggil nama Si Gongkor. Mula-mulanya Si Gongkor tidak mepedulikan sahutan itu, tetapi lama-kelamaan dia tidak dapat bersabar dan terus menoleh ke belakang. Tiba-tiba Si Gongkor nampak seorang wanita yang cantik namun apabila dia cuba mendekati perempuan itu, tiba-tiba perempuan itu pun ghaib. Alangkah sedihnya Si Gongkor kerana impiannya tidak tercapai. Kemudian Si Gongkor melihat labu yang dibawanya itu. Labu itu sangat besar dan berat. Oleh kerana terlalu penat membawa labu itu, Si Gongkor pun tidak dapat bersabar lagi. Sebelum sampai di rumahnya dia mengambil *wasoi* yang dibawanya dan membelah labu tersebut. Tidak disangka-sangka dari dalam labu itu keluar hantu jembalang yang garang dan terus mengejar Si Gongkor. Malangnya punggung Si Gongkor digigit oleh jembalang itu. Begitulah nasib Si Gongkor.

## **SI PUSUNG YANG BIJAK**

Dalam sebuah negeri terdapat seorang lelaki bijak yang bernama Si Pusung. Negeri diperintah oleh seorang sultan. Sultan ini sangat dengki terhadap Si Pusung kerana Pusung sangat bijak berfikir. Pada suatu hari, Sultan tersebut mendapat idea bagaimana hendak menjatuhkan hukuman terhadap Si Pusung. Dia memanggil kesemua rakyatnya dan akan memilih salah seorang daripada mereka untuk memelihara kerbau jantannya sehingga dapat melahirkan baka. Baginda telah memilih Pusung supaya menjaga kerbau jantannya.

Pusung menunaikan titah sultan tersebut dan membawa pulang kerbau jantan tersebut. Sampai di rumah dia berfikir bagaimana hendak melepaskan diri daripada tipu helah sultan tersebut. Akhirnya, dia mendapat idea baharu. Pada keesokan harinya dia pergi ke istana lalu menjerit-jerit bahawa ayahnya hendak melahirkan anak. Sultan berasa marah kerana dibangunkan pagi-pagi buta. Baginda juga berasa hairan kerana sebelum ini tiada terdapat seorang lelaki yang boleh melahirkan anak lalu bertanya pada Si Pusung.

Pusung mengatakan jika tiada terdapat seorang lelaki yang boleh melahirkan anak, begitu juga dengan kerbau jantan yang disuruh pelihara padanya sehingga melahirkan baka. Akhirnya, Si Pusung berjaya melepaskan diri daripada hukuman sultan.

Pada suatu hari sultan telah mengarahkan Si Pusung supaya mengikat ombak yang sesang beralun di tepi pantai. Pusung tetap mengikut arahan tersebut. Namun, Pusung tidak tergopoh-gopoh. Lalu, sultan bertanya mengapa dia tetap tidak membuat kerja yang diarahkan padanya. Pusung menjawab bahawa dia telah berusaha untuk mengikatnya namun tidak berjaya seandainya pasir tidak diikat terlebih dahulu. Pusung meminta supaya sultan mengikat pasir terlebih dahulu. Sultan menjawab bahawa pasir tidak boleh diikat. Lalu, Pusung menjawab begitu juga dengan ombak agak mustahil untuk diikat. Sekali lagi Pusung berjaya melepaskan diri daripada hukuman sultan.

Pada suatu hari sultan berpura-pura jatuh sakit. Baginda mengatakan hanya Si Pusung yang boleh mengubati penyakitnya. Alasan ini dijadikan baginda untuk menghukum Pusung seandainya tidak berjaya mengubatinya. Pusung pun berfikir bagaimana untuk melepaskan diri daripada tipu helah sultan.

Dia telah mendapat idea untuk menyediakan air kencingnya di dalam pinggan dan najisnya di dalam kain putih. Dia mempersembhkannya kepada sultan, sambil melayangkan di hidung sultan tersebut. Keadaan najis yang bau tersebut membuatkan sultan menjerit bahawa dia telah sembuh daripada penyakitnya. Sultan berasa marah lalu menyuruh hulubalang supaya menghukum Pusung dan dibuang ke dalam laut.

Pusung tetap akur dengan hukuman tersebut. Di dalam bubu, Pusung bertelanjang bulat sambil menonggeng. Pada masa itu, lalu seorang lelaki yang bernama Palau, dia bertanya mengapa Pusung berbuat demikian. Pusung menjawab dia sangat bahagia berada di dalam bubu tersebut kerana dapat melihat kedua ibu bapanya. Palau meminta supaya dia dimasukkan ke dalam bubu tersebut. Pusung berpura-pura tidak mahu keluar sehinggalah dia kononnya berjaya dipujuk oleh Si Palau.

Akhirnya, tibalah masa untuk menjatuhkan Si Pusung ke dalam laut, Si Palau menjerit mengatakan dia bukannya Si Pusung sebaliknya Si Palau. Namun, mereka tidak mempercayainya. Setelah berjaya melepaskan diri dari hukuman tersebut, Pusung sengaja lalu di hadapan istana sultan. Sultan terkejut melihat Si Pusung yang masih hidup lalu bertanya mengapa dia masih hidup.

Pusung mengatakan bahawa dia sangat bahagia berada di dalam laut kerana dia dapat melihat kedua ibu bapanya yang sudah mati. Sultan percaya dengan kata-kata Si Pusung dan meminta supaya hulubalang membuatkan mereka sekeluarga bubu yang besar untuk masuk ke dalam laut. Sultan sekeluarga pun dijatuhkan ke dalam laut. Akhirnya, sultan sekeluarga mati lemas kerana air memasuki bubu. Semenjak daripada itu Si Pusung berjaya melepaskan diri dari hukuman sultan kerana sultan telah meninggal dunia akibat mati lemas sekeluarga.

## SI PUSUNG BERSAMA TOK IMAM

Tersebut kisah pada suatu hari, Si Pusung telah diarahkan oleh Tok Imam untuk mencari nangka yang sudah matang. Nasib Pusung hari itu begitu baik. Dia telah menemui sebiji nangka yang sedang masak ranum. Dia menurunkan perlahan-lahan buah nangka itu. Tok Imam telah membelah dua nangka tersebut, lalu memberikan sebahagiannya kepada Si Pusung. Namun, Pusung menolak pemberian Tok Imam dengan mengatakan dia hanya memakan putih nangka tersebut, bukan isinya.

Tok Imam berasa hairan mengapa Si Pusung begitu berselera memakan putih nangka tersebut. Pusung menjawab, “Rasanya sangat sedap.” Tok Imam lalu meminta daripada Pusung. “Mana boleh kita kan dah berbagi tadi, tok punya isinya dan aku hanya putih nangka ini. Tok Imam tetap memaksa Pusung supaya memberikannya dan berganti dengan kepunyaannya. Akhirnya Pusung berpura-pura setuju.

Setelah memakan putih nangka tersebut, Tok Imam mendapati rasanya tidak sedap, lalu berasa marah kerana telah dipermainkan oleh Pusung. “Nanti kau Pusung aku akan kerjakan engkau.” Namun belum sempat dia membelasah Pusung, datang seorang pemuda untuk menjemputnya ke majlis kenduri doa selamat. Akhirnya Pusung telah terlepas. Dalam perjalanan pulang ke rumah, Tok Imam tersebut telah menyuruh Pusung membawa kesemua barang-barang yang dikirimkan dari tempat kenduri tadi, sedangkan Tok Imam duduk menunggang kuda.

Si Pusung jalan merangkak kerana keberatan membawa barang tersebut. “Kenapa dengan kau ini?.” “Aku sangat terhibur dengan syair kuda ini.” tipu Pusung. “Benarkah itu, aku ingin mendengarnya,” pinta Tok Imam. “Tak payahlah, nanti engkau keberatan dengan apa yang aku bawa ini,” dalih Pusung. Namun, Tok Imam itu tetap mendesak. Akhirnya Pusung menyerahkan barang tersebut. “Kenapa ni tak ada suara pun Pusung.” Soal tok Imam. “Tunggu sekejap nanti akau berada jauh dari tempat itu barulah akan kedengaran.” Jawab Pusung sambil berlari.

Sampai sahaja Pusung di rumah Tok Imam, dia berpura-pura sakit. Isteri Tok Imam berasa hairan mengapa Pusung berjalan merangkak. Pusung memberitahunya dia terjatuh dari atas kuda. Akhirnya, isteri Tok Imam merawatnya. Sebaik sahaja Tok Imam tiba dia mencari Pusung. Isterinya memberitahunya bahawa Pusung sedang sakit disebabkan jatuh dari kuda. Pusung berpura-pura sakit selama seminggu. Akhirnya isteri Tok Imam mencadangkan supaya Tok Imam pergi ke batu besar, mereka bimbang seandainya kesakitan Pusung berpunca dari tempat itu. Si Pusung telah mendengar perbualan suami isteri itu.

Akhirnya Tok Imam pergi sambil membawa sedikit jamuan. “Wahai penunggu batu ini, aku telah datang membawakan kamu sedikit makanan, maka sembuhkanlah Si Pusung. Secara kebetulan Si Pusung berada di tempat itu lalu berkata, “Aku akan menyembuhkan Si Pusung seandainya kamu mengahwinkannya dengan anak gadis kamu,” kata Pusung dengan cara menukar suaranya. Tok Imam balik semula ke rumah, dia telah berbincang dengan isterinya. Mereka bersetuju untuk mengahwinkan anak mereka dengan Si Pusung.

Setelah perkahwinan itu selesai, Tok Imam telah bercadang membuat sebuah rumah untuk Pusung dan anaknya, lalu membawa Pusung untuk membersihkan kawasan tersebut. Selepas mengumpulkan rumput tersebut sebesar dram, dia telah memanggil nama Pusung untuk pulang ke rumah. Namun, Pusung tidak menyahut. Sebaik sahaja tiba di halaman rumah Tok Imam telah menghentakkan rumput tersebut ke tanah. Rupa-rupanya Pusung berada di dalam ikatan rumput tersebut. “Kenapa kau tidak menyahut panggilan aku tadi, kau telah menipu aku supaya dapat membawa engkau ke mari,” marah tok Imam. “Aku tertidur tadi, manalah aku dengar,” jawab Pusung secara spontan.

Pusung mencadangkan supaya mereka membawa senapang jika pergi ke tempat itu lagi kerana terdapat banyak babi hutan. Keesokan harinya mereka pergi sekali lagi untuk menebas rumput di kawasan tersebut. Setelah dapat mengikat rumput sebesar dram, Pusung telah memanggil ayah mentuanya untuk balik ke rumah. Namun, ayah mentuanya tidak menyahut panggilannya.

Pusung merasa bosan dan cuba-cuba untuk menembak. “Aku cuba dulu menembak ikatan rumput tersebut, manalah tahu ada babi hutan di dalamnya.” Akhirnya ayah mentuanya menjerit supaya Pusung tidak menembaknya. “Tolong jangan tembak aku, aku berada di dalam ikatan rumput ini,” Jerit ayah mentuanya. Semenjak hari itu ayah mentuanya tidak lagi berani untuk membuli Si Pusung kerana dia hampir-hampir maut oleh Si Pusung